

# SOROTAN KEJAYAAN PENYELIDIKAN & INOVASI UniMAP SEPANJANG JANUARI - JULAI 2008

Kesinambungan episod manis para penyelidik UniMAP berterusan bagi tahun 2008. Sehingga Julai 2008 sahaja pelbagai kejayaan demi kejayaan dikecapi samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Bermula dari penganjuran Ekspo Rekacipta & Penyelidikan UniMAP 2007 yang telah diadakan pada 14 Januari 2008 yang lalu, sejumlah produk-produk penyelidikan yang bermutu dan berdaya saing telah dikenalpasti untuk dipertandingkan di beberapa pertandingan rekacipta dalam dan luar negara disepanjang tahun ini.

Bermula dengan kejayaan pada penyertaan pameran Malaysian Technology Expo (MTE 2008) yang telah diadakan di PWTC, Kuala Lumpur. Dari 20 penyertaan, UniMAP telah berjaya memenangi 16 pingat iaitu masing-masing dua pingat emas, tiga pingat perak dan 11 pingat gangsa. 'Process Tomography Imaging Sensor' oleh Mohd Hafiz Fazalul Rahiman dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik yang memenangi pingat emas telah terpilih diantara 'top 10' produk terbaik pada pameran kali ini.



Ini diikuti pada pameran ITEX 2008 yang telah diadakan di KLCC, Kuala Lumpur. UniMAP dengan 39 penyertaan iaitu diantara organisasi yang terbanyak menghantar penyertaan telah berjaya membawa pulang dua pingat emas, 11 pingat perak dan 15 pingat gangsa. Sasaran universiti adalah sebanyak 70% dari produk yang dipertandingkan akan memenangi pingat telah pun berjaya dicapai, tahniah kepada penyelidik yang berjaya. Kejayaan yang diraih oleh penyelidik UniMAP yang terdiri dari pensyarah dan tenaga akademik UniMAP turut diikuti oleh siswa-siswi UniMAP. Kehandalan mereka mencerminkan



idea yang bernas kepada produk penyelidikan yang canggih telah terbukti dengan pengiktirafan yang diperolehi pada National Research and Innovation Competition (NRIC 2008). NRIC 2008 adalah merupakan pertandingan rekacipta & inovasi yang terbuka kepada pelajar-pelajar ijazah sarjana muda dari semua institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Siswa-siswa UniMAP telah mengharumkan nama universiti dengan kejayaan memenangi satu pingat emas, satu pingat perak dan dua pingat gangsa. Lebih bermakna lagi apabila siswa-siswa dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar yang memenangi pingat emas turut dipilih memenangi Anugerah Khas iaitu 'Special Award: BEST INVENTION & INNOVATION AWARD' dan membawa pulang hadiah wang tunai RM 3000.00 beserta medal dan sijil penghargaan.

Kecemerlangan di peringkat kebangsaan telah melonjakkan lagi semangat penyelidik UniMAP di saingan peringkat antarabangsa. Ternyata pelaburan UniMAP menghantar penyertaan ke pertandingan rekacipta antarabangsa iaitu di Geneva 2008: 36th International Exhibition of Inventions and New Techniques and Products dan The Invention and New Products Exhibition 2008 (INPEX, USA) tidak sia-sia. Dari enam penyertaan, UniMAP telah memperolehi kejayaan 100% pingat iaitu masing-masing satu pingat emas dan dua pingat perak di kedua-dua pertandingan tersebut. Lebih cemerlang lagi apabila produk penyelidikan Prof. Madya Dr. Kenneth Sundaraj, 'VR-AKR' yang memenangi emas di INPEX 2008 turut terpilih memenangi anugerah khas pertandingan iaitu bagi kategori "Humanitarian Award".

NO.	PERTANDINGAN REKACIPTA & INOVASI	PINGAT			JUMLAH
		EMAS	PERAK	GANGSA	
1.	Malaysia Technology Expo (MTE)	2	3	11	16
2.	International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX)	2	11	15	28
3.	The National Research And Innovation Competition (NRIC)	1	1	2	4
4.	'GENEVA: 36th International Exhibition of Inventions of New Techniques and Products'	1	2	-	3
5.	The Invention and New Product Exhibition (INPEX, USA)	1	2	-	3